

Bantu tingkatkan profesion perubatan

► Hubungan Komuniti HQE-UMS akan terus diperkasa

UB 20.7.2018 B2

KOTA KINABALU:

Hubungan baik antara pihak hospital dengan komuniti setempat terutama organisasi berkait rapat dengan profesion perawatan dan perubatan akan terus dipertingkat dan dikekalkan demi meningkatkan mutu kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.


Pengarah Hospital Queen Elizabeth (HQE) Dr. William Gotulis berkata, usaha membina keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan organisasi khususnya profesion perawatan dan perubatan bukanlah perkara mudah.

Ini, katanya, kerana ia berkait rapat dengan mutu dan kriteria perkhidmatan serta sokongan komuniti yang menjurus kepada kehendak masyarakat.

Sehubungan itu, beliau menegaskan pihak hospital sentiasa mengambil pendekatan proaktif bagi memastikan hubungan pihak hospital dengan komuniti setempat sentiasa erat dan berkekalan.

"Kolaborasi dan hubungan yang baik bukan sahaja mempengaruhi mutu perkhidmatan kakitangan serta rasa keyakinan publik terhadap organisasi malah dapat menonjolkan imej hospital ke arah positif dari masa ke semasa," katanya.

Dr. William berkata demikian ketika menerima rombongan daripada fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena lawatan rasmi dan Majlis Penyerahan



(Gambar atas) BLOK Klinikal Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS menjadi pusat pendidikan latihan perubatan pelajar FPSK UMS sejak tahun 2004.

(Gambar kiri) PROF.DR. MOHAMMAD (kanan) dan DR. WILLIAM (dua kanan) merakamkan gambar bersama timbalan HQE dan rombongan FPSK, UMS.



DR. WILLIAM DAN PROF.DR. MOHAMMAD KETIKA MAJLIS PENYERAHAN DOKUMEN BLOK KLINIKAL FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN KEPADA HQE.



DR. NORNAZIRAH MERAKAMKAN GAMBAR BERSAMA PENYELIA JURURAWAT HQE MATRON JULITA.

Semula Blok Klinikal Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS kepada pihak pengurusan hospital bertempat Bilik Mesyuarat Utama Bangunan Klinik Pakar, dekat sini pada Khamis.

Terdahulu Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS, Profesor Dr. Mohammad Saffree Jeffree dalam ucapan aluannya menganggap hubungan erat antara UMS dengan HQE

amat istimewa.

Walaupun berbeza dari segi bidang dan kepakaran namun pada akhirnya hubungan tersebut menjurus ke arah matlamat yang sama iaitu terus mempertingkatkan kepada mutu kesihatan dan kesejahteraan masyarakat di negeri ini.

Katanya, kerjasama dan sokongan pihak Jabatan kesihatan negeri khususnya HQE bagi penggunaan termasuklah kemudahan fasiliti bagi kegunaan program mahupun aktiviti perawatan dan kesihatan kepada HQE sekiranya diperlukan.

pusat Pendidikan latihan perubatan UMS sejak tahun 2004 sudah pasti akan terus dikenang khususnya di kalangan pelajar FPSK sendiri.

Sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih, Prof. Dr. Mohammad turut memaklumkan kesediaan pihak UMS menawarkan perkhidmatan kepakaran termasuklah kemudahan fasiliti bagi kegunaan program mahupun aktiviti perawatan dan kesihatan kepada HQE sekiranya diperlukan.

Seorang graduan pertama FPSK tahun 2003, Prof. Madya Dr. Nornazirah Azizan, berkata sepanjang bergelar pelajar di Blok Klinikal hospital berkenaan, pihak pengurusan hospital banyak membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar khususnya dari segi keperluan fasiliti dan tenaga pengajar.

Beliau yang turut hadir pada majlis penyerahan semula Blok Klinikal FPSK turut menyingskap kenangan manis sepanjang bergelar pelajar bersama rakan-rakan

seperjuangan sehingga menerima keputusan peperiksaan professional tahun 2008.

Sambil merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan hospital sepanjang bergelar pelajar, beliau berharap hubungan dan kerjasama antara UMS dan HQE terus kekal dan akrab demi kelangsungan profesion perawatan dan perubatan di negeri ini.

Majlis Penyerahan Blok Klinikal Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS kepada pihak pengurusan hospital dilakukan atas persetujuan bersama setelah pihak Jabatan Kerja Raya dan pihak kejuruteraan hospital mengenalpasti kedudukan bangunan blok berkenaan mengalami kerosakan serta tidak selamat untuk beroperasi dan diduduki.

Hadir sama Timbalan Pengarah Klinikal I, Dr. Yogendra A/L Panchalingam, Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan, Jasnawati Jasmin dan Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital, Chow Tat Bin.



DR. WILLIAM DAN PROF.DR. MOHAMMAD SERTA PEGAWAI HOSPITAL DAN UMS MERAKAMKAN GAMBAR KENANGAN SEJURUS MELAWAT TAPAK BLOK KLINIKAL FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN.